

Tan Sri Alimuddin Terima Anugerah Maulidur Rasul Peringkat Wilayah Persekutuan 1444h

12 Oktober 2022



KUALA LUMPUR: Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) hari ini menganugerahkan Tokoh Utama Maulidur Rasul SAW Peringkat Wilayah Persekutuan 1444H kepada Tan Sri Alimuddin Mohd Dom yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Islam Kebangsaan, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) serta mantan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.

Penganugerahan tersebut dibuat sebagai tanda penghargaan atas khidmat dan sumbangan beliau dalam memartabatkan syiar dan pendidikan Islam di Malaysia khususnya di Wilayah Persekutuan.

Manakala Anugerah Khas individu diberikan kepada Arbaani Talib, pekerja am pembersihan syarikat pengurusan alam sekitar, Alam Flora Sdn. Bhd.

Dedikasi dan komitmen tinggi yang ditunjukkan beliau sepanjang menjalankan tugas yang tidak banyak diceburi atau dianggap remeh dan kotor oleh sebilangan masyarakat menjadi asas pemilihan anugerah dibuat.

Anugerah Khas Kategori Organisasi pula diberikan kepada Masjid Saidina Abu Bakar As Siddiq, Bangsar Kuala Lumpur (Kategori Masjid), Surau Putra Al-Amin Putrajaya (Kategori Surau/Surau Jumaat), Sekolah Menengah Kebangsaan Ranche-Ranche Labuan (Kategori Sekolah Menengah Kebangsaan), Sekolah Rendah Agama Salahuddin Al-Ayubi Kuala Lumpur (Kategori Sekolah Rendah Agama), dan Yayasan Amal Malaysia Cawangan Kuala Lumpur (Kategori Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)).

Tokoh Utama menerima hadiah wang tunai berjumlah RM8,000, pakej umrah tajaan Tabung Haji Travel & Services Sdn. Bhd. serta plak dan sijil.

Penerima anugerah bagi kategori individu menerima wang tunai berjumlah RM3,000, serta plak dan sijil, manakala bagi kategori organisasi masing-masing menerima wang tunai berjumlah RM2,000, serta plak dan sijil.

Kesemua penerima anugerah ditentukan oleh jawatankuasa penilaian berdasarkan kriteria dan syarat yang telah ditetapkan. Penyampaian anugerah disempurnakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Ahmad Marzuk Shaary.

Turut hadir Mufti Wilayah Persekutuan Datuk Dr. Luqman Abdullah dan Pengarah JAWI Datuk Mohd Ajib Ismail.